

Pelajar KUTKM terima anugerah dekan

Archival News | Berita Harian | 20/08/2004

MELAKA: Seramai 106 pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), menerima anugerah Sijil Kepujian Dekan bagi semester II sesi 2003/04, kelmarin.


Daripada jumlah itu, 29 pelajar dari Fakulti Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (26), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (25), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (14) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (12).

Sijil disampaikan dekan fakulti masing-masing. Anugerah Sijil Kepujian Dekan semester I sesi 2003/04 diadakan pada 11 Februari lalu.

Penolong Pendaftar Bahagian Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUTKM, Marsita Mohd Taib, berkata serentak majlis itu, Rektor KUTKM, Datuk Prof Ismail Hassan menyampaikan sumbangan Skim Galakan Kecemerlangan kepada 20 pelajar.

Katanya, pemilihan pelajar berdasarkan pendapatan keluarga kurang daripada RM500 sebulan.

(END) Source : Berita Harian



اویونسیتی تکنیکل ملیسیا ملاکا
UNIVERSITI TEKNIKL MALAYSIA MELAKA